

# 121 pelajar sertai Karnival Sukarelawan UMS 2016



DARI KAMPUS

Oleh ABD NADDIN  
HJ. SHAIDDIN

UB 9.6.2016 B3

**S**ERAMAI 121 peserta terdiri daripada pelajar UMS, pelajar Yayasan Kebajikan Suria serta guru pengiring menghadiri Karnival Sukarelawan, Universiti Malaysia Sabah 2016 atau dikenali sebagai **KARSUMS16**.

KARSUMS16 yang dianjurkan Exco Kesukarelawan dan Kemasyarakatan Majlis Perwakilan Pelajar, Universiti Malaysia Sabah diadakan selama tujuh hari bermula 22 hingga 28 Mei 2016.

Karnival Sukarelawan ini dirasmikan oleh Pengarah Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar, Prof Madya Dr Raman Noordin mewakili Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumi) UMS.

Program itu dihadiri seramai 121 orang peserta yang terdiri daripada pelajar UMS, pelajar dari Yayasan Kebajikan Suria berserta guru pengiring.

Menurut Timbalan Naib Canselor (HEPA), aktiviti kesukarelawan ini merupakan satu agenda



**ANTARA** pelajar UMS yang menyertai Karnival Sukarelawan.

besar di Kementerian Pengajaran Tinggi Malaysia yang disebut dalam 10 lonjakan kementerian untuk melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang.

Melalui karnival berkenaan, Pengisian aktiviti pertama ialah program '*Walk with Orphanage*' (WWO) dan Sesi berjalan bersama anak-anak yatim dari Yayasan Kebajikan Suria bermula seawal jam 9.20 pagi di mana laluan pejalan kaki adalah sejauh kira-kira 2 kilometer. Peserta dapat mengenali anak-anak yatim ini dengan lebih dekat dan pada masa yang sama menanam sifat gaya kehidupan yang sihat.

Program kedua ialah Program Forum Kesukarelawan yang menampilkan tiga panel jemputan iaitu Pengerusi Eksekutif Yayasan Sukarelawan Siswa Runiy Maldud, Pengerusi Aman Palestin Cawangan Sabah Jumriati Abdullah dan Pengerusi Pusat Sukarelawan Kebajikan Sabah Ithong Terang.

Program keempat ialah Program Ceramah Kesihatan oleh penceramah jemputan iaitu Timbalan

Moderator forum pula dikendalikan oleh Mohd Syahruddin selaku Naib Presiden 2 Majlis Perwakilan Pelajar UMS. Forum membincangkan tajuk 'Kesukarelawan Asas Peribadi Pemimpin' Realiti atau Persepsi.

Program ketiga ialah Program Khidmat Masyarakat yang diadakan di dua tempat iaitu SMK Bongawan 2 dan Kampung Keliangau di Manggatal. Program ini melibatkan 30 orang sukarelawan di Kg Keliangau dan 30 sukarelawan di SMK Bongawan.

Antara aktiviti yang dijalankan di SMK Bongawan ialah mengecat pagar sekolah berkenaan dan membersihkan kawasan persekitaran, manakala di Kg Keliangau, aktiviti berkursus di surau Kg berkenaan dengan membersihkan kawasan dalam dan luar surau beserta memasang lantai baru di bahagian luar surau.

Program keenam ialah Program Ceramah Kesihatan oleh penceramah jemputan iaitu Timbalan

Dekan (Penyelidikan dan Klinikal) Fakulti Perubatan dan Sains UMS, Dr Helen Benedict Lasimbang. Ceramah yang diadakan bertajuk 'Kesihatan dan Kanser Wanita'. Ceramah itu mendapat sambutan bukan sahaja dari pelajar wanita sahaja, malah ada juga pelajar lelaki yang turut hadir untuk mendengar ceramah yang dikongsi.

Program kelima



**PENGANJUR** menyampaikan cenderamata kepada wakil Yayasan Kebajikan Suria, Haji Awang Rablah Salil.

ialah Mural 'Paint' dan Pertandingan Mesra Kampus. Setiap kolej kediaman diwakili oleh 15 orang peserta bagi membina tugu

yang berkonsepkan Eco Kampus dan kolej kediaman masing-masing. Dalam pertandingan itu, Kolej Kediaman Excellent menjadi juara.

Selain program-program berkenaan terdapat juga aktiviti yang dijalankan sepanjang minggu seperti, kempen derma darah dan 'Hand print and Photobooth'.



**PESERTA** Karnival Sukarelawan UMS 2016 merakam gambar kenangan bersama selepas selesai program.